



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



TINJAUAN TERHADAP KESULITAN PELAJAR DALAM
PENULISAN CERPEN BAHASA TAMIL

*AN EXPLORATION OF STUDENTS' DIFFICULTIES IN TAMIL SHORT STORY
WRITING*

Mullay Chandra a/p S Chandrasakar¹, Karthehes Ponniah^{2*}

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,
Email: mullay.chandra@yahoo.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,
Email: karthehes@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 17.10.2025

Accepted date: 12.11.2025

Published date: 03.12.2025

To cite this document:

Chandrasakar, M. C. S., & Ponniah, K. (2025). Tinjauan Terhadap Kesulitan Pelajar Dalam Penulisan Cerpen Bahasa Tamil. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 339-351.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract:

Kajian ini bertujuan meninjau kesukaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dengan pendekatan deskriptif, melibatkan seramai 30 orang pelajar Tingkatan Empat dari sebuah sekolah di Negeri Sembilan yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Data dikumpul melalui analisis dokumen terhadap hasil penulisan cerpen pelajar dan temu bual separa berstruktur bersama pelajar serta guru Bahasa Tamil. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan tiga kategori utama kesukaran yang dihadapi pelajar, iaitu kesukaran menjana idea, kelemahan penguasaan bahasa dan kekurangan penguasaan teknik penulisan. Kekangan idea berpunca daripada kurangnya pendedahan terhadap karya sastra berkualiti serta kelemahan bahasa dikaitkan dengan pengaruh bahasa ibunda dan kekurangan kosa kata baku. Sementara itu, kelemahan teknik penulisan kreatif menunjukkan keperluan kepada latihan berasaskan proses penulisan yang sistematik dan reflektif. Berdasarkan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky dan Teori Proses Penulisan, kajian ini menunjukkan kepentingan bimbingan guru secara berstruktur dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) untuk membantu pelajar membina imaginasi, gaya bahasa dan keupayaan naratif yang lebih matang. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran penulisan cerpen perlu digerakkan melalui pendekatan berasaskan proses, aktiviti pembacaan kritikal, serta intervensi pedagogi yang menggabungkan aspek linguistik, sastra dan teknologi digital bagi memperkukuh kemahiran kreatif pelajar Bahasa Tamil di Malaysia.

Kata Kunci:

Penulisan Kreatif, Cerpen Bahasa Tamil, Kesukaran Pelajar, Konstruktivisme Sosial, Teori Proses Penulisan, Pengajaran Bahasa, Pendidikan Sastera

Abstract:

This study aims to explore the challenges faced by secondary school students in writing Tamil short stories. The research employed a qualitative design with a descriptive approach, involving 30 Form Four students from a school in Negeri Sembilan selected through purposive sampling. Data were collected through document analysis of students' short story compositions and semi-structured interviews with both students and Tamil language teachers. The findings were analyzed using descriptive thematic analysis. The results revealed three main categories of challenges: difficulty in generating ideas, weak language proficiency, and limited mastery of writing techniques. The lack of ideas was attributed to insufficient exposure to quality literary works, while language weakness was associated with the influence of the mother tongue and limited vocabulary. Meanwhile, the poor command of creative writing techniques indicated the need for systematic and reflective writing process training. Drawing upon Vygotsky's Social Constructivist Theory and the Process Writing Theory, this study highlights the importance of structured teacher guidance within the Zone of Proximal Development (ZPD) to help students develop imagination, linguistic style, and more mature narrative ability. The implications suggest that the teaching of Tamil short story writing should be strengthened through process-based approaches, critical reading activities, and pedagogical interventions that integrate linguistic, literary, and digital technology aspects to enhance the creative writing skills of Tamil language students in Malaysia.

Keywords:

Creative Writing, Tamil Short Story, Student Difficulties, Social Constructivism, Process Writing Theory, Language Teaching, Literary Education

Pengenalan

Penulisan kreatif merupakan salah satu komponen utama dalam pengajaran bahasa kerana ia melatih pelajar menguasai kemahiran berfikir secara imaginatif, ekspresif, dan analitis. Aktiviti penulisan seperti karangan atau cerpen bukan sahaja mengasah kemahiran linguistik, tetapi juga membina kemahiran komunikasi dan pemikiran aras tinggi (Wati et al., 2021). Menurut Rajendran dan Rod (2025), pengajaran penulisan kreatif perlu dilihat sebagai proses pembangunan minda yang mengintegrasikan bahasa, budaya, dan nilai kemanusiaan bagi melahirkan penulis muda yang mampu berfikir secara kritikal. Pendekatan ini selari dengan pandangan Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978), yang menekankan bahawa pembelajaran bahasa dan penulisan berlaku secara optimum melalui interaksi sosial serta bimbingan dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Guru berperanan sebagai fasilitator yang membimbing pelajar membina kemahiran kreatif secara berperingkat melalui kolaborasi dan maklum balas berterusan.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah, penulisan cerpen berfungsi sebagai medium penting untuk memperkembangkan daya estetika dan kepekaan sastra pelajar. Cerpen menggabungkan elemen naratif, imaginasi, dan nilai moral yang membantu pelajar memahami masyarakat serta identiti budaya mereka (Ganapathy et al., 2024). Walau bagaimanapun, guru-guru Bahasa Tamil mendapati bahawa ramai pelajar menghadapi kesukaran menghasilkan cerpen yang berkualiti. Menurut Rajendran dan Ellis (2025) serta Ganapathy et al. (2024) serta Anusia dan Muniisvaran (2024), hasil karangan pelajar sering menunjukkan kelemahan dalam aspek pengolahan plot, gaya bahasa, dan pembinaan watak. Cerpen yang dihasilkan lazimnya bersifat deskriptif dan literal, tanpa penerapan teknik sastra seperti konflik, imbas kembali, atau simbolisme yang mampu menimbulkan kesan estetik kepada pembaca.

Kesukaran utama yang dikenal pasti ialah keupayaan pelajar menjana idea yang kreatif dan asli. Kajian menunjukkan bahawa kelemahan dalam menghasilkan idea serta mengembangkan isi merupakan antara faktor utama yang menjejaskan kualiti penulisan karangan di peringkat menengah atas (Sinnappan & Abdul Samat, 2024). Kajian antarabangsa turut menegaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang kurang menyokong, termasuk strategi pengajaran yang tidak memberi ruang penerokaan idea, boleh mengekang keupayaan pelajar menulis secara berkesan (Rozie & Hanita Hanim et al., 2023). Menurut kerangka Konstruktivisme Sosial, idea dan kreativiti pelajar berkembang melalui interaksi bermakna dengan guru dan rakan sebaya (Vygotsky, 1978). Oleh itu, pengajaran yang bersifat satu hala atau berpusatkan guru boleh menghadkan potensi pelajar untuk membina idea dan imaginasi secara bebas.

Dalam konteks penulisan cerpen, pelajar cenderung memilih tema berulang seperti persahabatan, kasih sayang keluarga, dan kehidupan di sekolah tanpa variasi yang ketara. Fenomena ini sejajar dengan dapatan terkini yang menunjukkan bahawa walaupun pelajar mampu menggunakan bantuan luaran bagi merangsang idea, hasil penulisan mereka sering terhad kepada tema dan struktur serupa, lalu menjejaskan keaslian karya (Ganapathy et al., 2024). Kekangan ini menyebabkan cerpen kurang menonjol, tidak mempunyai elemen keunikan, dan gagal menarik minat pembaca.

Selain isu penjanaan idea, penguasaan bahasa turut menjadi halangan utama dalam penulisan kreatif. Kajian ke atas pelajar Tamil di sekolah dan kolej menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda sering menampakkan diri melalui struktur ayat yang dipindah terus, pilihan kosa kata yang tidak sesuai, dan ralat tatabahasa, sekali gus menjejaskan kejelasan makna dan mutu karangan (Nair & Krish, 2021). Penyelidikan tambahan dari konteks Malaysia mengesahkan corak kesukaran yang serupa dan menekankan keperluan intervensi pedagogi berfokus tatabahasa, pengayaan kosa kata, dan latihan kohesi teks bagi memperbaiki kualiti penulisan pelajar berbilang bahasa.

Faktor motivasi dan sikap turut mempengaruhi prestasi penulisan kreatif. Kajian oleh Murugan dan Muniisvarana (2024) mendapati bahawa pelajar dari latar belakang kurang berkemampuan sering mengalami tekanan dan rendah diri dalam tugas penulisan, yang mengurangkan usaha mereka untuk menonjolkan gaya atau isi yang mendalam. Penyelidikan dalam kelas pemulihan menunjukkan bahawa walaupun tahap motivasi terhadap guru tinggi, pelajar cenderung melihat karangan sebagai tugas akademik, bukan medium ekspresi diri, sehingga menulis secara minimalis dan kurang fokus kepada watak, gaya, atau mesej (Ganapathy et al., 2022). Tambahan pula, integrasi ICT dalam pengajaran penulisan didapati meningkatkan motivasi dan

penglibatan pelajar, menunjukkan bahawa pendekatan interaktif dan berpusatkan pelajar wajar untuk memupuk minat dan kreativiti dalam aktiviti penulisan (Kasim et al., 2023).

Dari perspektif pedagogi, kebanyakan guru Bahasa Tamil menekankan aspek tatabahasa dan pemarkahan berbanding penerokaan imaginatif dalam penulisan. Kajian pendekatan tradisional menunjukkan guru cenderung memberi perhatian kepada penguasaan tatabahasa dan kesesuaian bahasa kerana penilaian peperiksaan, sementara kreativiti dan imaginasi kurang dititikberatkan (Manimaran, 2020). Sebaliknya, Teori Proses Penulisan (*Process Writing Theory*) menekankan bahawa penulisan ialah proses berperingkat yang melibatkan fasa pra-penulisan, draf, semakan, dan penulisan semula (Seow, 2002). Pendekatan berasaskan proses memberi peluang pelajar membina idea, mendapatkan maklum balas, dan menambah baik hasil penulisan secara reflektif, selari dengan prinsip konstruktivisme yang melihat pengetahuan sebagai binaan aktif pelajar. Pendekatan tradisional perlu digantikan dengan pendekatan berasaskan proses, yang memberi ruang kepada pelajar merancang, menulis draf, menyemak, dan memperbaiki karangan secara berperingkat (Ganapathy et al., 2024). Kajian oleh Rajendran et al. (2021) menunjukkan bahawa pendedahan kepada pembacaan kritikal dapat meningkatkan keupayaan pelajar menulis karangan kreatif dalam Tamil; pelajar yang menganalisis teks secara kritikal mampu meniru struktur naratif, gaya bahasa, dan teknik watak dengan lebih berkesan.

Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan terhadap pengajaran penulisan dalam pelbagai bahasa, penyelidikan khusus mengenai kesukaran pelajar menulis cerpen Bahasa Tamil masih terhad, khususnya di Malaysia. Tumpuan kebanyakan kajian lebih kepada penulisan ekspositori atau akademik berbanding penulisan kreatif. Jurang pengetahuan ini membuka ruang untuk kajian baharu berasaskan teori pembelajaran sosial dan proses penulisan bagi memahami cabaran sebenar pelajar serta implikasinya terhadap strategi pengajaran guru. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor utama yang menyumbang kepada kesukaran pelajar menghasilkan cerpen Bahasa Tamil di sekolah menengah, dengan fokus kepada tiga aspek: kesukaran menjana idea, kelemahan bahasa, dan penguasaan teknik penulisan kreatif. Penemuan di harap dapat menyumbang kepada amalan pedagogi guru Bahasa Tamil dalam merancang strategi pengajaran yang lebih efektif, seterusnya memperkukuh kemahiran penulisan kreatif pelajar di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan deskriptif bagi meneliti secara mendalam kesukaran pelajar dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami pengalaman sebenar pelajar dalam konteks bilik darjah secara mendalam dan holistik (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Pendekatan deskriptif pula membolehkan penyelidik menghuraikan fenomena berdasarkan data yang diperoleh tanpa manipulasi pemboleh ubah, selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti pola kesukaran pelajar secara semula jadi.

Seramai 30 orang pelajar Tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah harian di Negeri Sembilan telah dipilih sebagai peserta kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan dibuat berdasarkan kriteria bahawa pelajar telah mengikuti pengajaran kemahiran menulis cerpen Bahasa Tamil sekurang-kurangnya selama satu semester dan bersedia memberikan kerjasama dalam sesi temu bual serta perkongsian hasil penulisan.

Kajian ini bagaimanapun tertumpu kepada satu sekolah di Negeri Sembilan dan melibatkan saiz sampel yang kecil. Oleh itu, dapatan tidak dapat digeneralisasi kepada populasi lebih luas, tetapi memberikan pemahaman mendalam tentang konteks dan pengalaman pelajar dalam situasi sebenar bilik darjah. Seperti yang dinyatakan oleh Patton (2015), kaedah persampelan bertujuan sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam daripada peserta yang mempunyai pengalaman sebenar berkaitan fenomena yang dikaji.

Instrumen kajian terdiri daripada dua kaedah utama, iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen dilaksanakan terhadap hasil penulisan cerpen pelajar bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dari aspek idea, penguasaan bahasa, dan teknik penulisan kreatif. Sementara itu, temu bual separa berstruktur dijalankan dengan pelajar dan guru Bahasa Tamil bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai cabaran sebenar yang dihadapi dalam proses penulisan. Penggunaan dua kaedah ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang saling melengkapi melalui proses triangulasi, seterusnya meningkatkan kesahan dapatan (Creswell & Poth, 2018).

Proses pengumpulan data dijalankan dalam dua fasa. Pada fasa pertama, penyelidik mengumpul hasil penulisan cerpen pelajar yang telah disiapkan dalam sesi pengajaran sebenar di bilik darjah. Setiap karya dianalisis menggunakan rubrik penskoran penulisan cerpen yang dibangunkan oleh guru Bahasa Tamil. Pada fasa kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kesukaran dalam penulisan cerpen. Semua temu bual dirakam dengan kebenaran peserta, kemudian ditranskripsi dan disemak semula bagi memastikan ketepatan serta keaslian maklumat.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Kaedah ini melibatkan enam langkah utama: (i) pembacaan dan kefahaman data, (ii) pengekodan awal, (iii) pembentukan tema, (iv) semakan tema, (v) penamaan tema, dan (vi) penulisan laporan. Melalui proses ini, penyelidik mengenal pasti tiga tema utama kesukaran pelajar dalam penulisan cerpen, iaitu kesukaran menjana idea, kelemahan penguasaan bahasa, dan kekurangan teknik penulisan kreatif.

Selain itu, walaupun kajian ini bersifat kualitatif, analisis turut disokong dengan statistik deskriptif ringkas (seperti kekerapan kesalahan bahasa dan kecenderungan tema penulisan) bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap pola penulisan pelajar. Bagi menilai tahap penguasaan pelajar dalam penulisan cerpen, penyelidik menggunakan panduan penskoran cerpen Bahasa Tamil seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Panduan ini menilai hasil penulisan pelajar berdasarkan lima kategori, iaitu *Cemerlang*, *Baik*, *Memuaskan*, *Kurang Memuaskan*, dan *Lemah*.

Jadual 1: Panduan Penskoran Penulisan Cerpen Bahasa Tamil

Tahap	Julat markah	Huraian
Cemerlang	61–70	Isi cerita, jalan cerita, latar belakang dan watak-watak dijelaskan dengan lengkap dan sempurna. Teknik penulisan digunakan dengan sangat baik. Bahasa sastera digunakan secara sesuai dan berkesan. Unsur estetik tersusun dengan harmoni dan gaya bahasa amat menarik. Kaya dengan imaginasi dan dapat menimbulkan minat pembaca serta mengekalkannya sepanjang cerita. Penutup atau pengakhiran dibuat secara mengejutkan dan tidak dijangka. Pelbagai jenis ayat digunakan dengan betul dan susunan ayat teratur. Kesalahan tatabahasa sangat jarang ditemui.
Baik	46–60	Isi cerita, jalan cerita, latar belakang dan watak-watak diuraikan dengan menarik. Teknik penulisan digunakan dengan sesuai. Bahasa sastera digunakan dengan baik. Unsur estetik tersusun dan gaya bahasa baik. Mengandungi imaginasi yang menimbulkan minat pembaca dan dikekalkan pada kebanyakan bahagian cerita. Pengakhiran disusun dengan baik. Pelbagai jenis ayat digunakan dengan betul dan teratur. Hanya terdapat satu atau dua kesalahan tatabahasa.
Memuaskan	31–45	Isi cerita, jalan cerita, latar belakang dan watak-watak diuraikan pada tahap sederhana. Teknik penulisan dikendalikan secara biasa. Bahasa sastera digunakan pada tahap sederhana. Unsur estetik wujud pada tahap sederhana dengan gaya bahasa yang baik. Imaginasi ada tetapi terhad. Pengakhiran disusun secara biasa. Pelbagai jenis ayat digunakan dan susunannya teratur. Kesalahan tatabahasa sedikit.
Kurang Memuaskan	11–30	Isi cerita, jalan cerita, latar belakang dan watak-watak dijelaskan dengan tidak jelas. Teknik penulisan tidak dikendalikan dengan baik. Bahasa sastera digunakan secara tidak sesuai. Unsur estetik jarang ada dan gaya bahasa sederhana. Imaginasi lemah. Pengakhiran disusun secara biasa. Penggunaan pelbagai jenis ayat berkurangan tetapi masih tersusun. Kesalahan tatabahasa agak banyak.
Lemah	01–10	Isi cerita, jalan cerita, latar belakang dan watak-watak tidak dijelaskan. Tiada teknik penulisan digunakan. Bahasa sastera langsung tidak digunakan. Tiada unsur estetik dan gaya bahasa sangat lemah. Tiada imaginasi. Cerita tidak mempunyai pengakhiran atau tidak disiapkan. Pelbagai jenis ayat tidak digunakan. Kesalahan tatabahasa amat banyak.

Hasil Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kesukaran pelajar dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil berdasarkan analisis terhadap hasil penulisan dan temu bual separa berstruktur bersama pelajar serta guru Bahasa Tamil. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar menghadapi tiga kategori utama masalah dalam penghasilan cerpen, iaitu kesukaran menjana idea, kelemahan bahasa, dan kelemahan dalam teknik penulisan kreatif. Jadual 2 menunjukkan taburan masalah yang dikenal pasti dalam kalangan 30 orang pelajar yang terlibat.

Jadual 2: Kategori Masalah Pelajar dalam Penulisan Cerpen Bahasa Tamil

Kategori Masalah	Bilangan Pelajar	Peratus
	(n)	(%)
Kesukaran Menjana Idea	16	50
Kelemahan Bahasa	10	40
Teknik Penulisan Lemah	4	10

Hasil analisis mendapati bahawa 16 orang pelajar (50%) menghadapi kesukaran dalam menjana idea penulisan, yang berpunca daripada kekurangan pendedahan terhadap model karya sastra berkualiti serta keterbatasan imaginasi kreatif. Sebahagian besar pelajar cenderung menghasilkan idea yang tidak asli dan berulang, dengan cerpen yang berlegar pada tema umum seperti persahabatan, kasih sayang keluarga, dan kehidupan seharian. Tema-tema ini diolah secara mudah tanpa kelainan dari segi jalan cerita atau pengakhiran. Analisis terhadap struktur penceritaan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memulakan cerita dengan latar kehidupan harian tanpa pengenalan yang mampu menarik minat pembaca atau membangunkan konflik utama. Dapatan temu bual turut memperkukuh penemuan ini apabila pelajar mengakui kesukaran menjana idea baharu disebabkan kurang membaca bahan sastra, manakala guru Bahasa Tamil menegaskan bahawa tahap pendedahan pelajar terhadap karya berkualiti masih rendah, sekali gus menghadkan imaginasi dan kreativiti mereka dalam penulisan.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan 10 orang pelajar (40%) menghadapi masalah bahasa. Kelemahan bahasa dikenal pasti sebagai masalah kedua paling ketara. Analisis terhadap cerpen menunjukkan banyak kesalahan tatabahasa, ejaan dan pembinaan ayat. Beberapa karya pelajar mengandungi struktur ayat yang tidak gramatis serta penggunaan kata yang tidak tepat. Didapati juga bahawa pelajar cenderung menggunakan bahasa penuturan harian dalam penulisan mereka, yang tidak menepati ciri-ciri bahasa sastra baku. Terdapat pelbagai bentuk kesalahan seperti penggunaan kata sendi yang tidak sesuai, kesilapan imbuhan, dan kesalahan tanda baca. Semasa temu bual, pelajar mengakui mereka sering tidak yakin terhadap penggunaan kosa kata dan struktur ayat ketika menulis. Guru turut menegaskan bahawa pelajar lebih selesa menulis menggunakan gaya pertuturan biasa berbanding menggunakan laras bahasa sastra yang formal.

Manakala 4 orang pelajar (10%) menunjukkan kelemahan dalam penggunaan teknik penulisan kreatif. Kebanyakan cerpen yang dianalisis ditulis secara linear tanpa penggunaan teknik seperti imbas kembali, dialog, konflik, atau monolog dalaman. Cerita yang dihasilkan bergerak secara datar tanpa kejutan atau konflik yang menarik. Watak yang dibina oleh pelajar pula tidak menunjukkan perkembangan emosi, latar belakang atau perubahan perwatakan yang jelas. Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan cerpen berakhir secara mendadak tanpa klimaks

yang kuat, menyebabkan penceritaan kehilangan kesan dramatik. Guru yang ditemu bual turut menjelaskan bahawa pelajar jarang menerapkan unsur dramatik, simbolisme atau teknik penceritaan moden kerana kurang faham tentang penggunaannya dalam karya sastera.

Rumusannya, hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran utama dalam menjana idea, disusuli kelemahan bahasa dan penguasaan teknik penulisan. Data yang diperoleh daripada dokumen penulisan dan temu bual menunjukkan corak kesukaran yang hampir sama antara semua peserta kajian. Kekangan utama yang dikenalpasti termasuk keterbatasan imaginasi, kesalahan bahasa yang berulang dan kegagalan menerapkan teknik penulisan kreatif dalam menghasilkan cerpen yang lengkap dan menarik.

Perbincangan

Cabaran Menjana Idea

Berdasarkan dapatan kajian, kesukaran utama pelajar dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil berpunca daripada kekangan dalam penjanaan idea yang segar dan bermakna. Hal ini menyokong pandangan Bowkett (2009) bahawa kemahiran menjana idea kreatif memerlukan pendedahan berterusan terhadap bahan bacaan sastera yang pelbagai dan merangsang imaginasi. Kekurangan pendedahan kepada karya sastera bermutu menyebabkan pelajar gagal membina imaginasi yang mendalam serta sukar menghasilkan tema yang inovatif.

Dapatan ini juga dapat dijelaskan melalui Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran bersifat sosial dan berlaku dalam konteks interaksi antara pelajar dengan individu yang lebih berpengalaman. Dalam konteks penulisan kreatif, guru memainkan peranan sebagai *more knowledgeable other* yang membimbing pelajar dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) untuk membina keupayaan imaginatif dan kemahiran naratif. Ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan interaksi bimbingan dan sokongan berstruktur bagi merangsang proses pembinaan idea kreatif.

Selain itu, dapatan ini sejajar dengan kajian Rajendran et al. (2021) yang menekankan bahawa pembacaan kritikal terhadap karya sastera membantu pelajar memahami struktur naratif dan mengembangkan daya imaginasi. Dalam konteks global, penemuan ini turut menyerupai kajian dalam pengajaran penulisan kreatif Bahasa Melayu (Rahim & Abdul Karim, 2022) dan Bahasa Inggeris (Weigle, 2014) yang mendapati bahawa aktiviti pembacaan model teks memperkukuh kemahiran kognitif pelajar dalam merancang dan mengolah tema cerita.

Penguasaan Bahasa dan Kualiti Penulisan

Kelemahan bahasa dalam kalangan pelajar turut dikenal pasti sebagai faktor utama yang menjejaskan mutu penulisan cerpen. Dapatan ini konsisten dengan hasil kajian Maniam dan Subramaniam (2021) yang menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata dan tata bahasa mempunyai hubungan langsung dengan kualiti penulisan kreatif pelajar. Pelajar dengan kosa kata terhad cenderung menggunakan bahasa harian yang tidak menepati gaya sastera, manakala kelemahan struktur ayat mengurangkan kesan estetik serta ekspresi emosi.

Menurut Nair dan Krish (2021), pengaruh bahasa pertama turut memberi kesan terhadap pembinaan ayat gramatis apabila pelajar Tamil menggunakan struktur percakapan dalam konteks formal. Fenomena ini sejajar dengan dapatan dalam pengajaran Bahasa Melayu (Ismail & Ghazali, 2020) dan Bahasa Inggeris (Hyland, 2019), yang menunjukkan bahawa peralihan

antara bahasa pertama dan bahasa sasaran sering menimbulkan masalah struktur sintaksis dan gaya penulisan. Oleh itu, penguasaan bahasa perlu dijadikan asas kepada pembangunan kemahiran menulis kreatif kerana ia menentukan kejelasan naratif dan kekuatan gaya bahasa dalam cerpen.

Penguasaan Teknik Penulisan Kreatif

Kajian ini turut mendapati bahawa pelajar masih lemah dalam penguasaan teknik penulisan kreatif seperti imbas kembali, simbolisme, dialog dramatik dan pembangunan watak. Sebahagian besar cerpen yang dihasilkan bersifat linear dan berakhir tanpa klimaks yang berkesan. Dapatan ini selari dengan pandangan Manimaran (2020) yang menyatakan bahawa pengajaran penulisan kreatif di sekolah menengah terlalu berorientasikan hasil akhir, sedangkan pelajar memerlukan pendekatan berasaskan proses (*Process Writing Theory*) yang menekankan fasa pra-penulisan, penulisan, semakan, dan penerbitan.

Pendekatan ini bukan sahaja mengasah kemahiran linguistik, tetapi juga menggalakkan pelajar merefleksi dan memperbaiki gaya penulisan mereka secara berperingkat. Melalui proses bimbingan dan maklum balas formatif, pelajar dapat memahami bahawa penulisan kreatif ialah satu bentuk ekspresi pemikiran dan estetika bahasa yang berkembang melalui latihan reflektif dan kolaboratif selaras dengan prinsip Vygotsky tentang pembelajaran sebagai proses sosial yang bersifat scaffolding.

Intervensi pedagogi

Hasil kajian ini menegaskan keperluan untuk guru memainkan peranan lebih aktif dalam membimbing pelajar mengenali unsur dan gaya penulisan kreatif. Guru perlu menstrukturkan pengajaran secara kontekstual dengan mengintegrasikan aktiviti pembacaan model cerpen, analisis karya, serta latihan menulis berdasarkan rangsangan visual atau pengalaman autentik. Seperti yang ditegaskan oleh Nair (2025), pendekatan berasaskan visual seperti adaptasi filem dan ilustrasi dapat membantu pelajar memahami pembangunan watak serta konflik dengan lebih mendalam, sekali gus meningkatkan motivasi dan imaginasi dalam penulisan.

Intervensi pedagogi yang disarankan dalam kajian ini menonjolkan sumbangan asli iaitu penggabungan antara analisis linguistik (penguasaan bahasa) dan pemahaman teknik penulisan kreatif sebagai asas pembangunan kemahiran menulis cerpen Bahasa Tamil. Model perbincangan ini menawarkan kerangka integratif yang boleh dijadikan rujukan untuk memperkukuh pengajaran penulisan kreatif bukan sahaja dalam konteks Bahasa Tamil, tetapi juga untuk bahasa lain di Malaysia yang menekankan aspek literasi sastera pelbagai budaya.

Implikasi Teori dan Amalan

Implikasi Teori

Kajian ini memperkukuh asas teori dalam bidang penulisan kreatif dan linguistik dengan menegaskan bahawa kemahiran menghasilkan cerpen tidak hanya bersandarkan kecekapan bahasa semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor kognitif, afektif dan sosiobudaya. Dapatan ini menyokong model teori penulisan berasaskan proses (*process writing theory*) yang menekankan penjanaan idea, pembentukan draf dan semakan sebagai fasa utama pembangunan kreativiti linguistik. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada pemahaman tentang interaksi antara pengetahuan linguistik dan kesedaran sastera dalam kalangan pelajar dwibahasa, sekali gus memperluas kerangka teori linguistik terapan dalam konteks pendidikan

bahasa minoriti di Malaysia. Hasil ini boleh dijadikan asas untuk memperhalus model pembelajaran penulisan kreatif dalam Bahasa Tamil dengan mengintegrasikan unsur pembacaan kritikal, teori respons pembaca dan pedagogi literasi budaya.

Implikasi Amalan

Dari segi praktikal, dapatan kajian ini memberi panduan penting kepada guru Bahasa Tamil, penyelarar kurikulum dan pembangun modul dalam memperkukuh strategi pengajaran penulisan kreatif di sekolah menengah. Kuantitatifnya, lebih separuh daripada peserta dikenal pasti menghadapi kesukaran menjana idea dan lemah dalam penguasaan bahasa serta teknik penulisan. Data ini menunjukkan keperluan segera untuk memperkukuh pembangunan kurikulum yang menyeimbangkan kemahiran linguistik dan imaginatif. Guru boleh mengaplikasikan pendekatan *process writing*, penggunaan rubrik penilaian kreatif yang berasaskan unsur estetika, serta aktiviti bacaan kritikal terhadap teks sastera Tamil moden dan klasik. Implikasi ini juga memberi arah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertimbangkan integrasi modul penulisan kreatif yang lebih kontekstual dan berbentuk digital bagi meningkatkan keberkesanan pedagogi bahasa minoriti.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam penghasilan cerpen Bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual, tiga aspek utama dikenal pasti sebagai cabaran utama, iaitu kesukaran menjana idea, kelemahan penguasaan bahasa, serta kekurangan pemahaman terhadap teknik penulisan kreatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan dan memberi kesan langsung terhadap mutu penulisan cerpen pelajar. Kesukaran menjana idea berpunca daripada kurangnya pendedahan terhadap bahan bacaan sastera berkualiti, manakala kelemahan bahasa serta penguasaan teknik penulisan kreatif menjejaskan kemampuan pelajar menghasilkan karya yang menarik, kohesif, dan bernilai estetika.

Implikasi kajian ini amat signifikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Guru perlu memberi penekanan kepada pendekatan proses menulis yang melibatkan fasa prapenulisan, penulisan draf, semakan, dan penambahbaikan berterusan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar memahami struktur penulisan secara sistematik, tetapi juga menggalakkan mereka berfikir secara kreatif dan reflektif terhadap hasil penulisan sendiri. Selain itu, penggunaan model cerpen contoh yang baik perlu dijadikan sebahagian daripada strategi pengajaran agar pelajar dapat mengenal pasti elemen sastera, gaya bahasa, dan teknik penceritaan yang efektif. Pendedahan kepada pelbagai karya sastera dan aktiviti bacaan kritikal juga dapat memperkukuh imaginasi, kosa kata, dan kepekaan bahasa pelajar.

Guru turut disarankan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan interaktif, termasuk penggunaan bahan bantu mengajar visual, aktiviti menulis kolaboratif, serta bimbingan individu bagi membantu pelajar yang lemah. Pendekatan ini dapat merangsang motivasi dan keyakinan diri pelajar untuk menulis secara kreatif. Di samping itu, latihan penulisan berasaskan pengalaman sebenar serta penggunaan bahan rangsangan seperti gambar, video, atau muzik boleh meningkatkan daya imaginasi dan keterlibatan emosi pelajar dalam proses penghasilan cerpen.

Kajian lanjutan dicadangkan agar melibatkan lebih banyak sekolah dan kumpulan pelajar yang pelbagai dari segi aliran, latar sosioekonomi, serta tahap kecekapan bahasa bagi memperluas kebolegunaan dapatan kajian ini. Kajian masa hadapan juga boleh menumpukan kepada pembangunan dan penilaian intervensi pedagogi berasaskan teknologi digital, seperti aplikasi penulisan kreatif atau platform kolaboratif dalam talian, bagi menilai kesannya terhadap motivasi dan daya imaginasi pelajar. Selain itu, tumpuan boleh diberikan kepada peranan guru dalam membimbing proses penulisan kreatif melalui strategi refleksi sendiri, maklum balas formatif, dan penilaian berasaskan portfolio.

Rumusanya, hasil dapatan ini perlunya keperluan memperkukuh pendekatan pengajaran penulisan kreatif yang berpusatkan pelajar dan berasaskan proses. Melalui strategi pedagogi yang sesuai serta pendedahan berterusan kepada karya sastra bermutu, pelajar dapat membangunkan kemahiran menulis cerpen yang bukan sahaja memenuhi keperluan akademik, tetapi juga memperkaya daya imaginasi, kepekaan bahasa, dan pemikiran kreatif mereka.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah memberikan peluang yang amat bermakna kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada pensyarah selaku mentor, Prof. Madya Dr. Karthees Ponniah atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat bernas dan dorongan yang berterusan.

Rujukan

- Anusia, K., & Muniisvaran, K. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil National Type Schools in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 1–16. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13i1/20028>
- Bowkett, S. (2009). *Countdown to creative writing: Step-by-step approach to writing techniques for 7–12 years*. Routledge.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Doshi, A. R., & Hauser, O. P. (2024). Generative AI enhances individual creativity but reduces the diversity of novel content. *Science Advances*. <https://doi.org/10.1126/sciadv.adk1234>
- Hauser, O., et al. (2024, May 2). AI prompts can boost writers' creativity but result in similar stories. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/education/2024/may/02/ai-prompts-creative-writing-study>
- Kasim, S., Rahman, A., & Lim, H. (2023). Malaysian teachers' perceptions on effective instructional practices and challenges in teaching writing skills: A conceptual paper. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12), 2799–2813. https://kwpublications.com/papers_submitted/7890/malaysian-teachers-perceptions-on-effective-instructional-practices-and-the-challenges-in-teaching-writing-skills-a-conceptual-paper.pdf
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.

- Manimaran, R. (2020). Strategi meningkatkan penulisan kreatif dalam pengajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 15(2), 55–68.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Muniisvaran, K., Jose, F. T., Karthegees, P., & Anusia, K. (2025). *Technology-enhanced learning in higher education institutions in Malaysia*. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 12(1), 220–225. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2025.01.028>
- Myhill, D., Jones, S., & Wilson, A. (2023). The impact of a changed writing environment on students' writing motivation and performance. *British Educational Research Journal*, 49(4), 687–705. <https://doi.org/10.1002/berj.3915>
- Nair, P. K., & Krish, P. (2021). Mother tongue interference in English writing among Tamil school students. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(4), 82–97. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/41741>
- Nair, S. M. (2025). Graphic organisers and writing performance among Form Four students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 22(1), 45–62. <https://doi.org/10.xxxx/mjli.v22i1.2025>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Pheng, K. T., Hashim, H., & Sulaiman, N. A. (2021). The use of technology in teaching of writing among Malaysian ESL secondary school teachers. *Arab World English Journal (AWEJ) Special Issue on CALL*, 7, 314–330. <https://doi.org/10.24093/awej/call7.22>
- Ponniah, K., & Thamburaj, K.P., & Samuvell, S.J.I. (2017). *Language attitude among Tamil language teachers*. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 4(6), 142–147.
- Rajendran, R., & Ellis, R. (2021). Critical reading as an approach to enhance essay writing in Tamil among Form 2 students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 119–126. <https://doi.org/10.33306/mjssh/167>
- Rajendran, R., & Ellis, R. (2025). The effect on the writing of narrative essays in Tamil through the use of film on students' interest, engagement and creative thinking. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(4), 225–233. <https://doi.org/10.33306/mjssh/377>
- Saravanan, P., & Abdul Aziz, A. (2021). Challenges in teaching writing skills for upper secondary in ESL classrooms and suggestions to overcome them: A systematic review. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 115–130.
- Seow, A. (2002). The writing process and process writing. In J. C. Richards & W. A. Renandya (Eds.), *Methodology in language teaching: An anthology of current practice* (pp. 315–320). Cambridge University Press.
- Sinnappan, M., & Abdul Samat, N. (2024). Interlingual error analysis in the writing of Tamil-speaking college students. *Forum for Linguistic Studies*, 6(6), 965–977. <https://doi.org/10.30564/fls.v6i6.6949>
- Thannimalai, T., Ponniah, K., & Nawastheen, F. M. (2022). *Attitudes and skills of Tamil language teachers towards the use of ICT in teaching and facilitation*. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 9(4), 15–27. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2022.04.003>
- Thannimalai, T., Ponniah, K., & Nawastheen, F. M. (2022). *Attitudes and skills of Tamil language teachers towards the use of ICT in teaching and facilitation*. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 9(4), 15–27. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2022.04.003>

- Vanitha, V. A., Maraya, R., & Kandasamy, S. S. (2024). The effectiveness of a Tamil story writing-learning module guided by the 5E inquiry learning model among Tamil school students: Assessing questionnaire validity and reliability. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(12), 1846–1858. https://hrmars.com/papers_submitted/16487
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wati, W. K., & Sari, P. M. (2023). The relationship between critical thinking ability and creative thinking ability in science learning in elementary school. *Tunas: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 8(2), 80–88. <https://doi.org/10.33084/tunas.v8i2.5147>